

LATIH TUBI 3 : SISTEM BAHASA

Disediakan oleh Cikgu Arbee Rose

TEMA : MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA DAN AMALAN KEPERCAYAAN

PRAKTIS 1

Tentukan bahagian **subjek** dan **predikat** dalam ayat-ayat di bawah.

1. Sebahagian besar daripada masyarakat India telah dibawa masuk oleh penjajah British untuk bekerja di sektor perladangan pada zaman penjajahan mereka.

SUBJEK	
PREDIKAT	

2. Penghijrahan masyarakat India berlaku secara besar-besaran pada awal abad ke-18.

SUBJEK	
PREDIKAT	

3. Hampir 80 peratus masyarakat India menganut agama Hindu.

SUBJEK	
PREDIKAT	

4. Penjajah British membawa masuk masyarakat India ke Malaysia untuk bekerja sebagai buruh ladang dan buruh pembinaan jalan kereta api.

SUBJEK	
PREDIKAT	

PRAKTIS 2 :

Tentukan bahagian **subjek** dan **predikat** dalam ayat-ayat di bawah.

1. Masyarakat Cina menganut berbagai-bagai aliran agama dan kepercayaan.

SUBJEK	
PREDIKAT	

2. Mereka turut mengamalkan kepercayaan lain seperti Taoisme, Confucianisme, pemujaan dewa-dewi dan penyembahan keramat.

SUBJEK	
PREDIKAT	

3. Amalan agama masyarakat Cina sering kali dicampuradukkan pula dengan kepercayaan tradisi.

SUBJEK	
PREDIKAT	

4. Amalan kepercayaan kaum Cina memperlihatkan perbezaan yang ketara antara satu sama lain disebabkan oleh keturunan, latar belakang sosial, dialek dan suku kaum yang berlainan.

SUBJEK	
PREDIKAT	

PRAKTIS 3 :

Tentukan bahagian **subjek** dan **predikat** dalam ayat-ayat di bawah.

1. Sesiapa yang tidak dapat menjawab soalan yang ditanya oleh kedua-dua malaikat ini akan dipukul hingga patah tulang.

SUBJEK	
PREDIKAT	

2. Munkar dan Nakir diberikan tugas menyoal orang yang sudah mati di dalam kubur.

SUBJEK	
PREDIKAT	

3. Antara tugas malaikat adalah mengambil nyawa manusia dan makhluk hidup yang lain seperti haiwan dan jin.

SUBJEK	
PREDIKAT	

4. Orang Islam wajib percaya akan Allah, rasul dan perkara-perkara ghaib.

SUBJEK	
PREDIKAT	

